



كتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 (38)

Tarikh: ~~٢٨~~ Rabiul Awal 1445H
13 Oktober 2023M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan

Ketua Hakim Syarie Negeri Perak

No.11 Tahun 2023

Pengendalian Kes-Kes Hadhanah Secara *Fast Track* Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak pada 14 hingga 15 September 2023 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya dengan ini mengeluarkan arahan berhubungan dengan tatacara pengendalian kes-kes hadhanah di

Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Perak adalah secara *fast track* dan hendaklah menggunakan kaedah perbicaraan secara inquisitorial sekiranya di kalangan pihak-pihak:

- (i) diberikan keutamaan penjagaan di bawah subseksyen 82 (1) Enakmen Keluarga Iskam (Perak) 2004 (EKIP) atau diberikan pindahan keutamaan penjagaan mengikut susunan di bawah subseksyen 82 (2) EKIP melibatkan anak yang dituntut yang belum mumayyiz (kurang tujuh (7) tahun bagi kanak-kanak lelaki dan kurang sembilan (9) tahun bagi kanak-kanak perempuan; atau
- (ii) diberikan hak pelanjutan tempoh hadhinah di bawah subseksyen 85(1) EKIP melibatkan anak yang dituntut berumur tujuh (7) tahun sehingga sembilan (9) tahun bagi kanak-kanak lelaki, dan umur sembilan (9) tahun sehingga sebelas (11) tahun bagi kanak-kanak perempuan; atau
- (iii) diberikan keutamaan penjagaan di bawah subseksyen 85(2) EKIP melibatkan anak yang dituntut berumur lebih sembilan (9) tahun, dan lebih sebelas (11) tahun bagi kanak-kanak perempuan atau tiada tuntutan dibuat sehingga kanak-kanak berumur lebih tujuh (7) tahun bagi lelaki dan lebih sembilan (9) tahun bagi perempuan.

2. Pengendalian kes-kes hadhanah secara *fast track* adalah sebagaimana proses kerja yang dilampirkan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **16 Oktober 2023**.

(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk

6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

Lampiran

**PROSES KERJA PENGENDALIAN *FAST TRACK*
KES-KES HADHANAH DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PERAK**

KEADAAN 1:

Tuntutan Hak Penjagaan Anak Kecil yang belum mumayyiz (kurang 7 tahun bagi kanak-kanak lelaki & kurang 9 tahun bagi kanak-kanak Perempuan)

AKTIVITI 1: PENDAFTARAN KES	
PEGAWAI BERTANGGUNG- JAWAB	TINDAKAN
Pendaftar / Petugas Kaunter	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima dokumen-dokumen seperti berikut daripada pelanggan: <ol style="list-style-type: none"> (a) Saman / Penyata Tuntutan (b) Salinan kad pengenalan / Surat Pengesahan Pemastautinan / dokumen yang berkaitan (c) Salinan surat nikah/cerai/rujuk (mana yang berkaitan) (d) Sijil Lahir / MyKid Anak yang dituntut (e) Borang maklumat peribadi (f) Wakalah Peguam Syarie (jika ada) (g) Dokumen-dokumen yang berkaitan senarai semak 2. Perhatian: Sekiranya pihak yang menuntut berada di kedudukan susunan keutamaan penjagaan yang lebih rendah berbanding keutamaan pihak lain, pihak lain tersebut juga perlu dinamakan sebagai pihak-pihak. Contoh: bapa menuntut penjagaan terhadap ibu dalam keadaan ibu kepada ibu masih ada, ibu kepada ibu tersebut juga perlu dinamakan sebagai pihak-pihak.
Pendaftar / Petugas Kaunter	<ol style="list-style-type: none"> 3. Menyemak dokumen kes: <ol style="list-style-type: none"> (a) Sekiranya tidak lengkap atau maklumat tidak tepat, kembalikan semula dokumen kepada plaintif atau Peguam Syarie (jika ada) untuk dilengkapkan. (b) Sekiranya lengkap, arahkan plaintif membuat pendaftaran dan bayaran.
Pendaftar	<ol style="list-style-type: none"> 4. Mendaftar kes dalam eKSPerk. 5. Menetapkan tarikh Majlis Sulh dalam tempoh 18 hari.

	<p>6. Arahkan Plaintiff / Peguam Syarie membuat penyampaian kepada Defendan.</p>
AKTIVITI 2 : MAJLIS SULH	
Pembantu Sulh	<p>7. Jika pihak-pihak hadir, pastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) serahan sempurna kepada Defendan; (b) Bukti Akuan Penerimaan ditandatangani oleh Defendan; (c) Affidavit penyampaian dibuat; dan (d) Affidavit penyampaian dimasukkan dalam fail kes. <p>atau</p> <p>8. Sekiranya Defendan tidak hadir:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Semak status serahan sempurna / tidak. (b) Afidavit penyampaian / tanpa penyampaian dibuat dan dimasukkan ke dalam fail kes. <ul style="list-style-type: none"> i. Jika serahan sempurna namun Defendan enggan hadir, keluarkan Notis Peringatan Kehadiran (jika perlu). ii. Jika serahan belum sempurna, tangguhkan kes untuk sempurnakan penyerahan. <p>9. Serah fail kepada Pegawai Sulh.</p>
Pegawai Sulh	<p>10. Memastikan pihak-pihak menyerahkan dokumen pengenalan diri.</p> <p>11. Mulakan prosiding dengan pembukaan Majlis Sulh.</p> <p>12. Jelaskan hak pihak-pihak dan dapatkan pengesahan daripada bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut berkaitan keutamaan hak ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) sebagai penjaga / hadhinah sama ada:</p> <p>A. Jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) terdapat persetujuan; atau (ii) ketidakhadiran selepas serahan sempurna; atau (iii) bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut gagal nyatakan ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) hilang kelayakan atau hak terhadap penjagaan; atau (iv) ibu atau mana-mana pihak lain yang pindahan keutamaan didahului mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) melepaskan hak sebagai penjaga dan tiada

	<p>tuntutan daripada pihak lain yang susunan keutamaan diberikan kepadanya selepas pihak yang melepaskan hak tersebut</p> <p>13. Merekodkan persetujuan bersama (jika ada).</p> <p>14. Kes dirujuk kepada hakim untuk keputusan / perintah.</p> <p>B. Jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) tiada persetujuan; dan (ii) tuntutan bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut untuk menjadi penjaga <p>15. Tutup Majlis Suhu dan sediakan Laporan Majlis Suhu.</p> <p>16. Sekiranya ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) adalah plaintiff, arahkan bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut memfailkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas.</p> <p>17. Perhatian: Pernyataan pembelaan kepada tuntutan balas dan/atau jawapan kepada pernyataan pembelaan (pliding akhir) <u>hanya</u> dibenarkan sekiranya ada fakta baru yang perlu dijawab. Semata-mata penafian atau penegasan fakta sama atau ulangan pernyataan pliding terdahulu adalah tidak perlu.</p> <p>18. Tetapkan tarikh perbicaraan di hadapan hakim.</p>
--	--

AKTIVITI 3: PERBICARAAN

Hakim	<p>19. Menjalankan siasatan bagi menentukan pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa:</p> <p>(a) Sekiranya bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut mendakwa ibu dan / atau ibu kepada ibu / mana - mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) hilang kelayakan atau hak sebagai penjaga bawah seksyen 83 atau seksyen 84 EKIP <u>dan</u> ibu dan/atau ibu kepada ibu / mana - mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) <u>menafikan</u> dakwaan bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut tersebut - bapa atau mana-mana pihak lain yang menuntut akan bertindak sebagai pihak yang mendakwa.</p> <p>(b) Sekiranya ibu dan/atau ibu kepada ibu / mana - mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) <u>mengakui</u> kehilangan kelayakan sebagai penjaga <u>namun</u> bertegas berkaitan keutamaan kebaikan anak di bawah seksyen 87 EKIP - ibu dan/atau ibu kepada ibu / mana - mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) akan bertindak sebagai pihak yang mendakwa.</p>
-------	--

- | | |
|--|---|
| | <p>20. Pihak yang mendakwa memberikan keterangan berkaitan dakwaan kehilangan kelayakan atau hak sebagai penjaga / keutamaan kebajikan anak.</p> <p>21. Pihak yang mendakwa kemukakan saksi / keterangan lain bagi membuktikan dakwaan kehilangan kelayakan atau hak sebagai penjaga / keutamaan kebajikan anak.</p> <p>22. Mahkamah membuat pertimbangan ke atas keterangan pihak yang mendakwa, sekiranya:</p> <p>a) Mahkamah mendapati bahawa tiada keterangan / Keterangan pihak yang mendakwa lemah dan tiada merit—</p> <ul style="list-style-type: none">i. Maklumkan pihak yang mendakwa haknya untuk meminta Mahkamah memerintahkan pihak yang didakwa bersumpah <i>yamin al-nafi</i>. Jika pihak yang didakwa menggunakan hak tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan hak pihak yang didakwa sebagai Penjaga.ii. Sekiranya pihak yang didakwa enggan bersumpah (<i>nukul</i>), tawarkan sumpah <i>yamin al-mardudah</i> kepada pihak yang mendakwa dan jika pihak yang mendakwa bersumpah <i>yamin al-mardudah</i>, sabitkan tuntutan pihak yang mendakwa.iii. Jika pihak yang mendakwa enggan bersumpah <i>yamin al-mardudah</i>, Mahkamah hendaklah menetapkan hadhanah anak kepada mana-mana orang sebagaimana diberikan kuasanya oleh undang-undang di bawah subseksyen 87(1) EKIP bagi memelihara kebajikan anak di bawah umur itu <p>b) Keterangan pihak yang mendakwa mempunyai merit mencabar kelayakan pihak yang didakwa sebagai penjaga / hadhinah —</p> <ul style="list-style-type: none">i. Arahkan pihak yang didakwa untuk mengemukakan keterangan.ii. Arahkan pihak yang didakwa membuat penghujahan untuk menutup kesnya.iii. Arahkan pihak yang mendakwa membuat hujahan untuk menjawab hujah pihak yang didakwa dan menutup kesnya. <p>23. Mahkamah pertimbangkan hujah kedua-dua pihak dan keluarkan perintah</p> |
|--|---|

KEADAAN 2:

Permohonan Pelanjutan Hak Hadhinah (ibu / ibu kepada ibu / mana-mana orang lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP)) selepas tamat umur –

- i) **7 tahun bagi kanak-kanak lelaki sehingga umur 9 tahun**
- ii) **9 tahun bagi kanak-kanak Perempuan sehingga umur 11 tahun**

AKTIVITI 1: PENDAFTARAN KES	
PEGAWAI BERTANGGUNG- JAWAB	TINDAKAN
Pendaftar / Petugas Kaunter	<p>1. Menerima dokumen-dokumen seperti berikut daripada pelanggan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Permohonan dan Afidavit (b) Eksibit : <ul style="list-style-type: none"> i. Salinan kad pengenalan / Surat Pengesahan Pemastautinan / dokumen yang berkaitan ii. Salinan surat nikah / cerai / rujuk (mana yang berkaitan) iii. Sijil Lahir / MyKid Anak yang dituntut iv. Perintah Hadhanah (c) Borang maklumat peribadi (d) Wakalah Peguam Syarie (jika ada) (e) Dokumen-dokumen lain berkaitan senarai semak <p>2. Perhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kes permohonan pelanjutan ini <u>hanya</u> boleh difailkan sekiranya Mahkamah telah mengeluarkan perintah hak penjagaan semasa anak berumur kurang 7 tahun bagi kanak-kanak lelaki & kurang 9 tahun bagi kanak-kanak Perempuan kepada pemohon (ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP)). (b) Jika <u>tiada</u> perintah kepada Pemohon dikeluarkan terdahulu, pendaftaran kes hendaklah melalui Saman dan Pernyataan Tuntutan (Rujuk Keadaan 3).
Pendaftar / Petugas Kaunter	<p>3. Menyemak dokumen kes:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Sekiranya tidak lengkap atau maklumat tidak tepat, kembalikan semula dokumen kepada plaintif atau Peguam Syarie (jika ada) untuk dilengkappkan. (b) Sekiranya lengkap, arahkan pemohon membuat pendaftaran dan bayaran.

AKTIVITI 2 : MAJLIS SULH	
Pendaftar	<p>4. Mendaftar kes dalam eKSPerk.</p> <p>5. Menetapkan tarikh Majlis Suhu dalam tempoh 18 hari.</p> <p>6. Arahkan pemohon / Peguam Syarie membuat penyampaian kepada Responden.</p>
Pembantu Sulh	<p>7. Jika pihak-pihak hadir, pastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) serahan sempurna kepada Responden; (b) Bukti Akuan Penerimaan ditandatangani oleh Responden; (c) Affidavit penyampaian dibuat; dan (d) Affidavit penyampaian dimasukkan dalam fail kes. <p>atau</p> <p>8. Sekiranya Responden tidak hadir:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Semak status serahan sempurna / tidak; (b) Afidavit penyampaian / tanpa penyampaian dibuat dan dimasukkan ke dalam fail kes. <ul style="list-style-type: none"> i. Jika serahan sempurna namun Responden enggan hadir, keluarkan Notis Peringatan Kehadiran (jika perlu). ii. Jika serahan belum sempurna, tangguhkan kes untuk sempurnakan penyerahan. <p>9. Serah fail kepada Pegawai Sulh.</p>

Pegawai Sulh	<p>10. Memastikan pihak-pihak menyerahkan dokumen pengenalan diri.</p> <p>11. Mulakan prosiding dengan pembukaan Majlis Sulh.</p> <p>12. Jelaskan hak pihak-pihak dan mendapatkan pengesahan daripada bapa / mana-mana pihak lain berkenaan hak ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP) untuk melanjutkan tempoh penjagaan (hadinah) sama ada:</p> <p>A. Jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) terdapat persetujuan ; atau (ii) ketidakhadiran selepas serahan sempurna; atau (iii) tiada perubahan matan yang menjelaskan kelayakan atau hak sebagai penjaga atau kebajikan anak <p>13. Merekodkan persetujuan bersama (jika ada).</p> <p>14. Kes dirujuk kepada hakim untuk keputusan / perintah.</p> <p>B. Jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) tiada persetujuan; dan (ii) berlaku perubahan matan yang menjelaskan kelayakan atau hak sebagai penjaga atau kebajikan anak <p>15. Tutup Majlis Sulh dan sediakan Laporan Majlis Sulh.</p> <p>16. Arahkan bapa / mana-mana pihak lain memfailkan afidavit jawapan.</p> <p>17. Tetapkan tarikh pendengaran di hadapan hakim.</p>
--------------	---

AKTIVITI 3 : PENDENGARAN

HAKIM	<p>18. Menjalankan siasatan sama ada berlaku perubahan matan terhadap perintah hadinah yang dikeluarkan terdahulu:</p> <p>(a) Jika tiada perubahan matan / tiada keterangan berkenaan perubahan matan, keluarkan perintah pelanjutan hak hadinah.</p> <p>(b) Jika berlaku perubahan matan yang menjelaskan kelayakan atau hak sebagai penjaga atau kebajikan anak, arahkan pihak yang mendakwa wujud perubahan matan untuk mengemukakan keterangan bagi membuktikan dakwaan bawah seksyen 83 atau seksyen 84 atau seksyen 87 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004.</p> <p>19. Pihak yang mendakwa kemukakan saksi / keterangan lain bagi membuktikan dakwaan.</p> <p>20. Mahkamah membuat pertimbangan ke atas keterangan pihak yang mendakwa, sekiranya:</p> <p>(a) Tiada keterangan / keterangan pihak yang mendakwa (bapa / mana-mana pihak lain) lemah dan tiada merit:</p>
-------	--

- | | |
|-----|--|
| | <p>i. Maklumkan pihak yang mendakwa haknya untuk meminta Mahkamah memerintahkan pihak yang didakwa (ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP)) bersumpah <i>yamin al-nafi</i>. Jika pihak yang didakwa menggunakan hak tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan hak pelanjutan pihak yang didakwa sebagai Penjaga (hadhinah)</p> <p>ii. Sekiranya pihak yang didakwa enggan bersumpah (<i>nukul</i>), tawarkan sumpah <i>yamin al-mardudah</i> kepada bapa / mana-mana pihak lain dan jika bapa / mana-mana pihak lain itu bersumpah <i>yamin al-mardudah</i>, sabitkan tuntutan bapa / mana-mana pihak lain tersebut.</p> <p>iii. Jika pihak yang mendakwa enggan bersumpah <i>yamin al-mardudah</i>, Mahkamah hendaklah menetapkan hak hadhanah anak kepada mana-mana orang sebagaimana diberikan kuasanya oleh undang-undang di bawah subseksyen 87(1) EKIP bagi memelihara kebijakan anak itu.</p> <p>(b) Keterangan pihak yang mendakwa (bapa / mana-mana pihak lain) mempunyai merit berkenaan perubahan matan berkaitan hilang kelayakan atau hak sebagai penjaga atau menjelaskan kebijakan anak pihak yang didakwa (ibu / ibu kepada ibu / mana-mana pihak lain yang diberikan keutamaan mengikut susunan (seksyen 82(2) EKIP)) untuk melanjutkan tempoh penjagaan / hadhinah:</p> <p>i. Arahkan pihak yang didakwa untuk mengemukakan keterangan,</p> <p>ii. Arahkan pihak yang didakwa membuat penghujahan untuk menutup kesnya.</p> <p>iii. Arahkan pihak yang mendakwa (bapa / mana-mana pihak lain) membuat hujahan untuk menjawab hujah pihak yang didakwa dan menutup kesnya.</p> |
| 21. | Mahkamah pertimbangkan hujah kedua-dua pihak dan keluarkan perintah. |

KEADAAN 3:

- (a) Tuntutan Hak Penjagaan / Ubah Perintah bagi kanak-kanak lelaki berumur lebih 9 tahun & lebih 11 tahun bagi kanak-kanak Perempuan; atau
 (b) Tiada tuntutan dibuat sehingga kanak-kanak berumur lebih 7 tahun bagi lelaki & lebih 9 tahun bagi perempuan

AKTIVITI 1: PENDAFTARAN KES	
PEGAWAI BERTANGGUNG- JAWAB	TINDAKAN
Pendaftar / Petugas Kaunter	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima dokumen-dokumen seperti berikut daripada pelanggan: <ol style="list-style-type: none"> (a) Saman/ Penyata Tuntutan (b) Salinan kad pengenalan / Surat Pengesahan Pemastautinan / dokumen yang berkaitan (c) Salinan surat nikah / cerai / rujuk (mána yang berkaitan) (d) Sijil Lahir / MyKid Anak yang dituntut (e) Borang maklumat peribadi (f) Wakalah Peguam Syarie (jika ada) (g) Dokumen-dokumen yang berkaitan senarai semak
Pendaftar/ Petugas Kaunter	<ol style="list-style-type: none"> 2. Menyemak dokumen kes: <ol style="list-style-type: none"> (a) Sekiranya tidak lengkap atau maklumat tidak tepat, kembalikan semula dokumen kepada Plaintiff atau Peguam Syarie (jika ada) untuk dilengkapkan. (b) Sekiranya lengkap, arahkan Plaintiff membuat pendaftaran dan bayaran.
Pendaftar	<ol style="list-style-type: none"> 3. Mendaftar kes dalam eKSPPerk. 4. Menetapkan tarikh Majlis Sulh dalam tempoh 18 hari. 5. Arahkan Plaintiff / Peguam Syarie membuat penyampaian kepada Defendan.
AKTIVITI 2 : MAJLIS SULH	

Pembantu Sulh	<p>6. Jika pihak-pihak hadir, pastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) serahan sempurna kepada Defendan; (b) Bukti Akuan Penerimaan ditandatangani oleh Defendan; (c) Affidavit penyampaian dibuat; dan (d) Affidavit penyampaian dimasukkan dalam fail kes. <p>atau</p> <p>7. Sekiranya Defendan tidak hadir:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Semak status serahan sempurna / tidak. (b) Afidavit Penyampaian / tanpa penyampaian dibuat dan dimasukkan dalam fail kes. <ul style="list-style-type: none"> i. Jika serahan sempurna namun Responden enggan hadir, keluarkan Notis Peringatan Kehadiran (jika perlu). ii. Jika serahan belum sempurna, tangguhkan kes untuk sempurnakan penyerahan. <p>8. Serah fail kepada Pegawai Sulh.</p>
Pegawai Sulh	<p>9. Memastikan pihak-pihak menyerahkan dokumen pengenalan diri.</p> <p>10. Mulakan prosiding dengan pembukaan Majlis Sulh.</p> <p>11. Jelaskan hak pihak-pihak dan mendapatkan pengesahan daripada ibu (atau mana-mana pihak lain) berkaitan keutamaan hak bapa sebagai penjaga sama ada:</p> <p>A. Jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) terdapat persetujuan; atau (ii) ketidakhadiran selepas serahan sempurna; atau (iii) bapa melepaskan hak sebagai penjaga; atau (iv) ibu (atau mana-mana orang lain) gagal nyatakan bapa tidak layak untuk penjagaan <p>12. Merekodkan persetujuan bersama (jika ada).</p> <p>13. Kes dirujuk kepada hakim untuk keputusan / perintah.</p> <p>B. Jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) tiada persetujuan; dan (ii) tuntutan ibu (atau mana-mana orang lain) untuk menjadi penjaga <p>14. Tutup Majlis Sulh dan sediakan Laporan Majlis Sulh.</p> <p>15. Sekiranya bapa adalah plaintiff, arahkan defendant (ibu atau mana-mana orang lain) memfaiklan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas.</p>

	<p>16. Perhatian: Pernyataan pembelaan kepada tuntutan balas dan/atau jawapan kepada pernyataan pembelaan (pliding akhir) <u>hanya</u> dibenarkan sekiranya ada fakta baru yang perlu dijawab. Semata-mata penafian atau penegasan fakta sama atau ulangan pernyataan pliding terdahulu adalah tidak perlu.</p> <p>17. Tetapkan tarikh perbicaraan di hadapan hakim.</p>
--	---

AKTIVITI 3 : PERBICARAAN

Hakim	<p>18. Menjalankan siasatan bagi menentukan pihak yang mendakwa dan pihak yang didakwa:</p> <p>(a) Sekiranya bapa mengakui dakwaan kehilangan kelayakan sebagai penjaga (seksyen 83 EKIP), namun bertegas berkaitan keutamaan kebaikan anak di bawah seksyen 87 EKIP – bapa akan bertindak sebagai pihak yang mendakwa.</p> <p>(b) Sekiranya ibu atau mana-mana pihak lain mendakwa bapa hilang kelayakan sebagai penjaga di bawah seksyen 83 dan bapa menafikan dakwaan tersebut - ibu (atau mana-mana orang lain) akan bertindak sebagai pihak yang mendakwa.</p> <p>19. Pihak yang mendakwa memberikan keterangan berkaitan dakwaan kehilangan kelayakan bapa dibawah seksyen 83 atau isu keutamaan kebaikan anak di bawah seksyen 87 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004.</p> <p>20. Pihak yang mendakwa kemukakan saksi / keterangan lain bagi membuktikan dakwaan kehilangan kelayakan bapa.</p> <p>21. Mahkamah memanggil anak yang dituntut secara tertutup untuk menyatakan kemahuannya.</p> <p>22. Mahkamah membuat pertimbangan ke atas keterangan pihak yang mendakwa, sekiranya:</p> <p>(a) Tiada keterangan / Keterangan pihak yang mendakwa lemah dan tiada merit</p> <p>i. Maklumkan pihak yang mendakwa haknya untuk meminta Mahkamah memerintahkan pihak yang didakwa bersumpah <i>yamin al-nafi</i>. Jika pihak yang didakwa menggunakan hak tersebut, maka Mahkamah hendaklah mensabitkan hak pihak yang didakwa sebagai Penjaga selepas mengambilkira kemahanuan anak.</p> <p>ii. Sekiranya pihak yang didakwa enggan bersumpah (<i>nukul</i>), tawarkan sumpah <i>yamin al-mardudah</i> kepada pihak yang mendakwa dan jika pihak yang mendakwa bersumpah <i>yamin al-mardudah</i>, sabitkan tuntutan pihak yang mendakwa selepas mengambilkira kemahanuan anak.</p>
-------	--

	<p>iii. Jika pihak yang mendakwa enggan bersumpah <i>yamin al-mardudah</i>, Mahkamah hendaklah menetapkan hadhanah anak kepada mana-mana orang sebagaimana diberikan kuasa oleh undang-undang di bawah subseksyen 87(1) EKIP bagi memelihara keajakan anak di bawah umur itu.</p> <p>(b) Keterangan pihak yang mendakwa (ibu / mana-mana orang lain) mempunyai merit mencabar kelayakan pihak yang didakwa (bapa) sebagai penjaga:</p> <ol style="list-style-type: none">i. Arahkan pihak yang didakwa (bapa) untuk mengemukakan keterangan,ii. Arahkan pihak yang didakwa (bapa) membuat penghujahan untuk menutup kesnya.iii. Arahkan pihak yang mendakwa (ibu/atau mana-mana orang lain) membuat hujahan untuk menjawab hujah pihak yang didakwa dan menutup kesnya. <p>23. Mahkamah pertimbangkan hujah kedua-dua pihak dan keluarkan keputusan.</p>
--	--